



# Wadah SIG

## ECONATREA

### FAEDAH AMALAN KITAR SEMULA

NURSYAZNI ABDUL RAHIM, LILI SYAHANI RUSLI, AHMAD ZAIMI MOHD ZAWAWI, DR NUR HASYIMAH RAMLI, NUR AZIMAH OSMAN, SYAZUANI MOHD SHARIFF DAN SARAH SHAZWANI ZAKARIA

ECONATREA, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,  
Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

[econatrea@uitm.edu.my](mailto:econatrea@uitm.edu.my)

**MALAYSIA** selama ini mengalami pertumbuhan pesat dalam populasi, pambandaran dan perindustrian, dan lebih daripada 70% jumlah populasi ini dilaporkan tinggal di kawasan bandar. Perkembangan pesat ini telah menghasilkan banyak sisa pepejal (Johari et al., 2014). Menyebut tentang pengumpulan dan pelupusan jumlah sampah yang semakin meningkat, pambandaran yang pesat dan tidak terancang telah menyebabkan pihak berwajib terbeban dalam menguruskan pengumpulan dan pelupusan jumlah sisa yang semakin meningkat (Mwanza & Mbohwa, 2017).

Sisa pepejal adakalanya adalah bahan tidak kurang nilai kepada pemilik asal namun selagi pemiliknya telah membuangnya, ia telah menjadi satu pembaziran (Johari et al., 2014). Menurut kajian yang dijalankan oleh Mwanza dan Mbohwa (2017) juga, pengurusan sisa pepejal perbandaran kekal sebagai salah satu aspek pertumbuhan bandar yang paling diabaikan, yang mana ia memerlukan pembangunan dalam kaedah pengurusannya yang mampan.

Satu kajian pada tahun 2012 yang dilakukan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negera (JPSPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, menunjukkan 65% sisa pepejal datangnya daripada sisa isi rumah, diikuti oleh pusat komersial dan institusi (28%) serta industri (7%). Sebanyak 45% daripada sisa isi rumah adalah sisa makanan dan sisa organik. Selebihnya pula adalah sisa seperti kertas, plastik dan tanaman yang boleh dikitar semula.





# Wadah SIG

## EC NATREA

Di antara kaedah pengurusan sisa yang mudah serta boleh dilakukan oleh semua pihak, samada masyarakat dan pihak berwajib adalah dengan mengamalkan kitar semula. Kitar semula adalah salah satu langkah di dalam Konsep 3R iaitu *reduce, reuse dan recycle*. Kitar semula adalah perlu untuk pelbagai sebab.

Dalam menjaga alam sekitar, antara langkah yang boleh diambil adalah mengurangkan penggunaan kertas baru yang diperbuat daripada pulpa kayu, amalan ini dilihat berpotensi melindungi alam sekitar kita (Kumat et al., 2019). Berikut ialah faedah kitar semula dan bagaimana ia boleh membantu alam sekitar:



1. Melindungi ekosistem dan hidupan liar.




2. Memulihara sumber asli.



3. Menjimatkan tenaga.



4. Mengurangkan keperluan untuk menggunakan bahan baharu.



5. Mengurangkan pelepasan karbon.



6. Menjimatkan kos.



7. Menyatukan rakyat.



8. Terdidiknya rakyat tentang kepentingan melindungi alam sekitar.



9. Mengurangkan pembakaran sisa.